

NO.SIRI :

Untuk kegunaan MPAG



DOKUMEN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN

TAJUK PERKHIDMATAN:

**MPAG/SH/100/2024 - PERKHIDMATAN MEMBEKAL
PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA PENGUATKUASA MAJLIS
PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2025.**

1.	Nama Syarikat	:	
2.	No.Telefon	:	
3.	No. Ruj. Pendaftaran	:	

**SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

Sila tandakan / bagi dokumen-dokumen **WAJIB** yang perlu disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Ringkasan Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tarikh penyempurnaan), ditandatangani dan Cop Syarikat (Lampiran D)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Maklumat Latar Belakang Penyebut Harga (Sila Lampirkan Profail Syarikat – sekiranya ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Surat Akuan Pembida (Lampiran A1) –(ditandatangani oleh penama dalam sijil)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Sijil Penubuhan Syarikat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan / Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan / Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Penyata Kewangan Terkini 3 bulan Terakhir (Ogos, September dan Oktober 2024)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Cop Kontraktor:

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.(jika ada)

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

**PERKHIDMATAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA PENGUATKUASA
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2025**

ITEM

KANDUNGAN

1. KENYATAAN SEBUT HARGA
2. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA – **LAMPIRAN A**
3. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA – **LAMPIRAN B**
4. **LAMPIRAN Q**
5. JADUAL HARGA TAWARAN – **LAMPIRAN C**
6. SPESIFIKASI KOD WARNA DAN MATERIAL – **LAMPIRAN D**
7. SPESIFIKASI PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA PENGUATKUASA
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH - **LAMPIRAN E**
8. MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA
9. SURAT AKUAN PEMBIDA – **LAMPIRAN A1**

DOKUMEN MEJA TERPAKAWAL



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
NOTIS SEBUT HARGA BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan, sama ada bertaraf Bumiputera dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut :-

KETERANGAN SEBUT HARGA	GREED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / KOD BIDANG & TARAF	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP
<p><u>MPAG/SH/100/2024</u></p> <p>PERKHIDMATAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA PENGUATKUASA MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2025</p>	<p><u>Kod Bidang:</u></p> <p>222401 – Menjahit Pakaian Dan Kelengkapan</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>020804 – Pakaian Keselamatan, Kelengkapan dan Aksesori</p> <p><u>Taraf:</u> Bumiputera</p>	<p><u>Tarikh Dokumen Dijual:</u></p> <p>18 November 2024 (Isnin)</p> <p style="text-align: center;">Sehingga</p> <p>26 November 2024 (Selasa)</p>	<p><u>Harga Dokumen:</u></p> <p>RM 50.00 Tidak akan dikembalikan</p>	<p><u>Tempat:</u></p> <p>Peti Tawaran, Unit Perolehan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebuhraya AMJ, Alor Gajah, Melaka.</p> <p><u>Tarikh Sebut Harga Ditutup:</u></p> <p>26 November 2024 (Selasa)</p> <p><u>Waktu Sebut Harga Ditutup:</u></p> <p>12.00 tengah hari</p>
<p><u>MPAG/SH/101/2024</u></p> <p>PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG DAN MEMBUKA SEMULA PAPARAN DI BILLBOARD DAN KAIN RENTANG SERTA GEGANTUNG SEMPENA PERAYAAN DAN PROGRAM RASMI MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2025</p>	<p><u>Kod Bidang:</u></p> <p>222003 – Billboard</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>020901 - Bahan Tarpaulin dan kanvas</p> <p><u>Taraf:</u> Bumiputera</p>			

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Syarikat adalah dikehendaki melengkapi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Lampiran Q
- (b) Lampiran D – Ringkasan Sebut harga & Spesifikasi Bekalan
- (c) Maklumat Latar Belakang Penyebut Harga
- (d) Surat Akuan Pembida (Lampiran A1)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut harga boleh menghubungi pejabat berikut untuk penjelasan lanjut:

Unit Perolehan, Majlis Perbandaran Alor Gajah
No. Tel : 06-5562575 No. Fax : 06-5564909

3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

4. HARGA INDIKATIF JABATAN

4.1 Harga Indikatif Jabatan bagi Sebut harga ini adalah Ringgit Malaysia: EMPAT PULUH LAPAN RIBU TUJUH RATUS DUA PULUH (RM48,720.00.00) SAHAJA

4.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

4.3 Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga hendaklah ditawarkan bagi semua bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawaian (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal kecil (i) dan (ii) diatas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan gantirugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbandharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

12. DENDA KELEWATAN PEMBEKALAN BARANG/PERKHIDMATAN

Denda akan dikenakan kepada Pemborong/Pembekal yang gagal menyempurnakan kerja-kerja pembekalan bagi sebut harga dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang munasabah.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

13. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

14. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

15. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

16. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

17. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

18. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

19. PENAMATAN BERSABIT RASUAH, AKTIVITI MENYALAHI UNDANG-UNDANG ATAU AKTIVITI HARAM

- 19.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak Kerajaan yang lain, jika syarikat, personel, kakitangan atau pkerjanya disabitkan bersalah oleh mahkamah kerana rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau aktiviti haram yang berkait dengan Perjanjian/ Kontrak ini atau mana-mana perjanjian lain yang syarikat mungkin ada dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian / Kontrak ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan segera yang membawa maksud sedemikian kepada syarikat.
- 19.2 Setelah penamatan tersebut, Kerajaan berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan yang timbul daripada penamatan tersebut.
- 19.3 Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Kerajaan dan syarikat bersetuju bahawa syarikat tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatan Kontrak ini.

20. PENGAKUAN

Saya/Kami bersetuju dan patuh kepada syarat-syarat yang dikenakan seperti di atas.

T/Tangan:
(Penyebut Harga)

T/Tangan:
(Saksi)

Nama:

Nama:

No. K.P.:

No. K.P.:

Tarikh:

Tarikh:



LAMPIRAN Q
(Kew 284-Pin 5/94)

T.T. PEMBUKA SEBUT HARGA

T.T. PEMBUKA SEBUT HARGA

KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
NEGERI MELAKA

PERKHIDMATAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA PENGUATKUASA MAJLIS
PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2025

Kepada Penyebut Harga (Nama Syarikat):

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh:

.....
.....
.....

Unit Perolehan, Tingkat 1,
Majlis Perbandaran Alor Gajah
Lebuh AMJ, Alor Gajah,
78000 Melaka.

No. Telefon : 06-5562575

Kod bidang Pendaftaran yang relevan dengan
bekalan ini : **222401 ATAU 020804**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan adalah seperti di **Lampiran A.**
 - 1.2 **Tempoh pembekalan perkhidmatan mestilah tidak melebihi 8 Minggu.**
 - 1.3 Sebut harga hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat yang berlakri serta menulis penjuro sebelah kiri sampul surat tersebut dengan No. Sebut Harga **MPAG/SH/100/2024.**
 - 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat seperti yang dinyatakan dalam arahan kepada penyebut harga tidak lewat pada jam **12.00 tengahari** pada **26 November 2024 (Selasa).**
 - 1.5 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari selepas tarikh tutup.**

Bil	Perihal bekalan/perkhidmatan Syarat-syarat Khas	Jumlah Harga (RM)
	Untuk diisi Kementerian / Jabatan	Untuk diisi oleh Penyebut Harga
	<p>PERKHIDMATAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA PENGUATKUASA MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2025</p> <p>JADUAL HARGA TAWARAN hendaklah dilengkapkan dan jumlah tawaran adalah sama seperti di LAMPIRAN C.</p>	<p>RM</p>

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih.
- (ii) Tempoh Kesempurnaan Bekalan / Perkhidmatan : (**tidak melebihi 8 minggu**)
- (iii) Bekalan/perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
 - a) Arahan kepada Penyebut Harga seperti di **Lampiran A**.
 - b) Syarat-syarat Am seperti di **Lampiran B**.
 - c) Jadual Tawaran Harga seperti di **Lampiran C**.

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga:

Nama dan No. K/P:.....

Alamat Syarikat:

Tarikh:.....

UNTUK DIISI OLEH PENYEBUTHARGA

Saya bersetuju untuk menawarkan harga seperti di bawah:-

Bil	Jenis Bekalan/Perkhidmatan Dan Syarat-Syarat Khas	Jumlah Anggota	Kadar Sepasang (RM)	Kuantiti	Harga (RM)
1.	<p>Sepasang baju berjahit (baju+seluar) untuk anggota LELAKI mempunyai sulaman nama anggota, logo dan berpocket mengikut kategori jawatan seperti berikut:</p> <p>PAKAIAN OPERASI (2 pasang)</p> <p>1. Pegawai Penguatkuasa (KP41)</p> <p>2. Penolong Pegawai Penguatkuasa (KP29)</p> <p>3. Pembantu Penguatkuasa (Penyelia)</p> <p>4. Pembantu Penguatkuasa (KP19, KP22)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>7</p> <p>31</p>		<p>2</p> <p>2</p> <p>14</p> <p>62</p>	
2.	<p>Sepasang baju berjahit (baju+seluar+tudung) untuk anggota WANITA berleungan panjang mempunyai sulaman nama anggota, logo dan berpocket mengikut kategori jawatan seperti berikut:</p> <p>PAKAIAN OPERASI (2 pasang)</p> <p>1. Pembantu Penguatkuasa (Penyelia)</p> <p>2. Pembantu Penguatkuasa (KP19, KP22)</p> <p>2 helai tudung polis @ 6 anggota wanita</p>	<p>2</p> <p>5</p>		<p>4</p> <p>10</p> <p>12</p>	
3.	<p>Sepasang baju berjahit (baju+seluar) untuk anggota LELAKI mempunyai sulaman logo dan berpocket mengikut kategori jawatan seperti berikut:</p> <p>BAJU NO. 2 (1 pasang)</p> <p>1. Pegawai Penguatkuasa (KP41)</p> <p>2. Penolong Pegawai Penguatkuasa (KP29)</p> <p>3. Pembantu Penguatkuasa (Penyelia)</p> <p>4. Pembantu Penguatkuasa (KP19, KP22)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>7</p> <p>31</p>		<p>1</p> <p>1</p> <p>7</p> <p>31</p>	

Bil	Jenis Bekalan/Perkhidmatan Dan Syarat-Syarat Khas	Jumlah Anggota	Kadar Sepasang (RM)	Kuantiti	Harga (RM)
4.	Sepasang baju berjahit (baju+seluar+tudung) untuk anggota WANITA berlejang panjang mempunyai sulaman logo dan berpocket mengikut kategori jawatan seperti berikut: BAJU NO. 2 (1 pasang) 1. Pembantu Penguatkuasa (Penyelia) 2. Pembantu Penguatkuasa (KP19, KP22) 1 helai tudung polis @ 6 anggota wanita				
		2		2	
		5		5	
				6	
	JUMLAH KESELURUHAN	47	-	141	
JUMLAH HARGA KESELURUHAN TIDAK TERMASUK CUKAI PERKHIDMATAN (RM)					
CUKAI PERKHIDMATAN 8% (RM)					
(Sekiranya penyebut harga berdaftar dengan Jabatan Kastam)					
JUMLAH HARGA TERMASUK CUKAI PERKHIDMATAN (RM)					
	<p>Nota :</p> <ol style="list-style-type: none"> Sila sertakan contoh kain/material dan dilabelkan untuk tujuan rujukan jabatan dan dihantar bersama permohonan ini. Pembekal yang telah dilantik perlu menyediakan sepasang sampel pakaian yang lengkap untuk tujuan penilaian dan persetujuan jabatan sebelum memulakan kerja. 				

- i. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- ii. Tempoh Kesempurnaan Bekalan / Perkhidmatan : (Tempoh siap maksima 8 minggu)

COP SYARIKAT

.....
(TANDATANGAN PEMBEKAL/KONTRAKTOR)

NAMA :

NO.KP :

MUSTAHAK – LIHAT SYARAT-SYARAT AM

SPESIFIKASI KOD WARNA DAN MATERIAL PAKAIAN OPERASI JABATAN PENGUATKUASAAN TAHUN 2025

BIL	JAWATAN	SPESIFIKASI KAIN		CONTOH KAIN	
		JENIS MATERIAL	WARNA	MPAG	PEMBEKAL
1.	Pakaian Operasi (2 pasang) (Lelaki) 1. Pegawai Penguatkuasa (KP41) 2. Penolong Pegawai Penguatkuasa (KP29) 3. Pembantu Penguatkuasa (Penyelia) 4. Pembantu Penguatkuasa (KP19, KP22)	BAJU & SELUAR HI-SOFY 100% POLYSTER	LEGION BLUE (ACCURA BELLINI JAPAN) DBKL KOD WARNA 2144		
2.	Pakaian Operasi (2 pasang) (Wanita) 1. Pembantu Penguatkuasa (Penyelia) 2. Pembantu Penguatkuasa (KP19, KP22)	BAJU & SELUAR HI-SOFY 100% POLYSTER	LEGION BLUE (ACCURA BELLINI JAPAN) DBKL KOD WARNA 2144		
3.	<u>Tudung Polis Untuk Anggota Wanita - 2 helai</u> 1. Pembantu Penguatkuasa (Penyelia) 2. Pembantu Penguatkuasa (KP19, KP22)	LYCRA	BIRU GELAP		

SPESIFIKASI KOD WARNA DAN MATERIAL BAJU NO. 2 JABATAN PENGUATKUASAAN TAHUN 2025

BIL	JAWATAN	SPESIFIKASI KAIN		CONTOH KAIN	
		JENIS MATERIAL	WARNA	MPAG	PEMBEKAL
1.	<p>Baju No. 2 (1 pasang) (Lelaki)</p> <p>1. Pegawai Penguatkuasa (KP41) 2. Penolong Pegawai Penguatkuasa (KP29) 3. Pembantu Penguatkuasa (Penyelia) 4. Pembantu Penguatkuasa (KP19, KP22)</p>	<p>BAJU & SELUAR</p> <p>HI-SOFY 100% POLYSTER</p>	<p>LEGION BLUE (ACCURA BELLINI JAPAN) DBKL KOD WARNA 2144</p>		
2.	<p>Baju No. 2 (1 pasang) (Wanita)</p> <p>1. Pembantu Penguatkuasa (Penyelia) 2. Pembantu Penguatkuasa (KP19, KP22)</p>	<p>BAJU & SELUAR</p> <p>HI-SOFY 100% POLYSTER</p>	<p>LEGION BLUE (ACCURA BELLINI JAPAN) DBKL KOD WARNA 2144</p>		
3.	<p><u>Tudung Polis Untuk Anggota Wanita - 1 helai</u></p> <p>1. Pembantu Penguatkuasa (Penyelia) 2. Pembantu Penguatkuasa (KP19, KP22)</p>	<p>LYCRA</p>	<p>BIRU GELAP</p>		

0SPESIFIKASI PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA PENGUATKUASA MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

LOGO JATA NEGERI MELAKA



Kedudukan logo Jata Negeri Melaka : kanan lengan baju

Saiz sulam : 5.5 cm – tinggi, 6 cm – lebar

Border logo berwarna emas

LOGO MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH



Kedudukan logo Majlis Perbandaran Alor Gajah : kiri lengan baju

Saiz sulam : 5.5 cm – tinggi, 6 cm – lebar

Border logo berwarna emas

BAJU OPERASI

(a) ANGGOTA GRED KP41, KP29, KP26, PENYELIA



Spesifikasi BAJU OPERASI Bagi Anggota Gred KP41, KP29, PENYELIA

Jenis Material	HI-SOFY 100% POLYSTER
Warna	LEGION BLUE (ACCURA BELLINI JAPAN) DBKL KOD WARNA 2144
Rekabentuk	Bush Jacket lelaki dan wanita <ul style="list-style-type: none"> - Lengan pendek berlipat 2.5cm - Lengan panjang
Baju	PAKAIAN – Baju dan seluar berwarna 'legion Blue' (Kod Warna 2144) - Lidah APPOLET di bahagian bahu.
	4 poket bertutup (2 di atas dan 2 di bawah)
	TANDA NAMA – Jenis sulaman berwarna emas pada kain 'legion Blue'.
	TANDA NAMA "MPAG" – Jenis sulaman berwarna emas pada kain 'legion Blue'.
	LOGO MPAG – Jenis sulaman dan border logo PBT berwarna emas.
	LOGO JATA NEGERI MELAKA - Jenis sulaman dan border Jata Negeri Melaka berwarna emas.
Seluar	2 poket bahagian depan seluar (kiri dan kanan)
	2 poket bertutup (butang ketip) bahagian belakang seluar
	2 poket bertutup kiri dan kanan lutut seluar
	Span di bahagian lutut

BAJU OPERASI

(b) ANGGOTA GRED KP19 (LELAKI)

BAJU OPERASI Bagi Anggota Gred KP19 – LELAKI



BAJU OPERASI Bagi Anggota Gred KP19 - WANITA



Spesifikasi BAJU OPERASI Bagi Anggota Gred KP19 (Lelaki/Wanita)

Jenis Material	HI-SOFY 100% POLYSTER
Warna	LEGION BLUE (ACCURA BELLINI JAPAN) DBKL KOD WARNA 2144
Rekabentuk	Bush Jacket (wanita sahaja) - Lengan pendek berlipat 2.5cm kecuali wanita Islam <i>Tuck in</i> (Lelaki sahaja)
Baju	PAKAIAN – Baju dan seluar berwarna 'legion Blue' (Kod Warna 2144) dan 'Tuck In'. - Lidah APPOLET di bahagian bahu. TANDA NAMA – Jenis sulaman berwarna emas pada kain 'legion Blue'. TANDA NAMA "MPAG" – Jenis sulaman berwarna emas pada kain 'legion Blue'. LOGO MPAG – Jenis sulaman dan border logo berwarna emas. LOGO JATA NEGERI MELAKA - Jenis sulaman dan border Jata Negeri Melaka berwarna emas.
Seluar	2 poket bahagian depan seluar (kiri dan kanan) 2 poket bertutup (butang ketip) bahagian belakang seluar 2 poket bertutup kiri dan kanan lutut seluar Span di bahagian lutut
Tudung	TUDUNG - Tudung warna 'Dark Blue'.

BAJU SERAGAM ATAU BUSH JACKET PEGAWAI LELAKI / WANITA

(c) ANGGOTA GRED KP41, KP29, PENYELIA

LENCANA INTEGRITI –
Lencana seperti rekabentuk Lencana PESAMA, terdapat logo PBT pada bahagian dalam Lencana, dan lencana berwarna emas.

LENCANA KOLAR – Rujuk kepada tanda Pemakaian pangkat Penguatkuasa PBT Negeri Melaka.



Lubang untuk 2 pen
Lidah poket bentuk 'M'
Lubang wisel

APPOLET - Appolet jenis bersarung, warna 'legion Blue' (Kod Warna 2144), tanda pangkat berwarna emas, dan mempunyai tulisan MPAG di hujung Appolet.

RIBBON BAR – Diguna pakai berdasarkan tahun perkhidmatan dan anugerah yang diterima

Lengan pendek berlipat 2.5cm

BUTANG BESAR - Butang berlogo Jata Negeri Melaka berwarna emas sebanyak enam (6) butang.



- 4 poket bertutup dengan butang ketip
- 2 lubang butang poket atas dan 2 lubang butang poket bawah (saiz lubang butang 1.5cm)
- Butang berlogo Jata Negeri Melaka berwarna emas .

RANTAI DAN WISEL – Rantai berwarna emas dan kedudukan wisel adalah di dalam poket kiri baju.

- 2 poket bahagian depan seluar (kiri dan kanan)
- 2 poket bahagian belakang seluar tanpa lidah poket
- Perumah untuk tali pinggang
- Bahagian depan seluar kosong/tidak ada lipat



Spesifikasi BAJU NO. 2 Bush Jacket Pegawai lelaki/Wanita Gred KP41, KP29, Penyelia

Jenis Material	HI-SOFY 100% POLYSTER
Warna	LEGION BLUE (ACCURA BELLINI JAPAN) DBKL KOD BERWARNA 2144
Rekabentuk	Bush Jacket - Lengan pendek berlipat 2.5cm
Baju	PAKAIAN – Baju dan seluar berwarna 'legion Blue' (Kod Warna 2144), mempunyai 6 butang dan jenis belahan tengah di bahagian belakang baju. - Lidah APPOLET di bahagian bahu.
Seluar	2 poket bahagian depan seluar (kiri dan kanan) 2 poket bahagian belakang seluar tanpa lidah poket
Tudung	TUDUNG - Tudung warna 'Dark Blue'.

BAJU NO. 2 Bagi Anggota Gred KP19 - LELAKI

LENCANA KOLAR – Rujuk kepada tanda Pemakaian pangkat Penguatkuasa PBT Negeri Melaka.

LENCANA INTEGRITI – Lencana seperti rekabentuk Lencana PESAMA, terdapat logo MPAG pada bahagian dalam Lencana, dan lencana berwarna emas.



Lubang untuk 2 pen
Lidah poket bentuk 'M'
Lubang wisel

RANTAI DAN WISEL – Rantai berwarna emas dan kedudukan wisel adalah di dalam poket kiri baju.

APPOLET - Appolet jenis bersarung, warna 'legion Blue' (Kod wana 2144), tanda pangkat jenis sulaman warna emas, dan mempunyai tulisan MPAG dihujung Appolet. 2 biji butang kecil berwarna emas

RIBBON BAR digunakan berdasarkan tahun perkhidmatan dan anugerah yang diterima Lengan pendek berlipat 2.5cm

BUTANG BESAR - Butang Berlogo Jata Negeri Melaka berwarna emas sebanyak empat (4) butang.

- 2 poket bahagian depan seluar (kiri dan kanan)
- 2 poket bahagian belakang seluar tanpa lidah poket
- Perumah untuk tali pinggang
- Bahagian depan seluar kosong/tidak ada lipat

JALUR SELUAR – Diguna pakai pada seluar anggota Kain jenis Polyester Viscose Grey (HJ-3300 CW -20



- 2 poket bertutup dengan butang ketip
- 2 lubang butang poket atas (saiz lubang butang 1.5cm)

BUTANG KECIL – Butang Berlogo Jata Negeri Melaka berwarna emas



BAJU NO. 2 Bagi Anggota Gred KP19 - WANITA

LENCANA KOLAR – Rujuk kepada tanda Pemakaian pangkat Penguatkuasa PBT Negeri Melaka.

Tudung biru hitam (dark blue)

TANDA NAMA – Tulisan berwarna putih manakala tapak berwarna hitam.

LENCANA INTEGRITI – Lencana seperti rekabentuk Lencana PESAMA, terdapat logo MPAG pada bahagian dalam Lencana, dan lencana berwarna emas.



Lubang untuk 2 pen
Lidah poket bentuk 'M'
Lubang wisel

RANTAI DAN WISEL – Rantai berwarna emas dan kedudukan wisel adalah di dalam poket kiri baju.

APPOLET -Appolet jenis bersarung, warna 'legion Blue' (Kod warna 2144), tanda pangkat jenis sulaman warna emas, dan mempunyai tulisan MPAG dihujung Appolet. 2 biji butang kecil berwarna emas

RIBBON BAR digunakan berdasarkan tahun perkhidmatan dan anugerah yang diterima

Lengan panjang bagi wanita Islam

BUTANG BESAR - Butang Berlogo Jata Negeri Melaka berwarna emas sebanyak enam (6) butang.



- 4 poket bertutup dengan butang ketip
- 2 lubang butang poket atas dan 2 lubang butang poket bawah (saiz lubang butang 1.5cm)

BUTANG KECIL – Butang Berlogo Jata Negeri Melaka berwarna emas

- 2 poket bahagian depan seluar (kiri dan kanan)
- 2 poket bahagian belakang seluar tanpa lidah poket
- Perumah untuk tali pinggang

JALUR SELUAR – Diguna pakai pada seluar anggota, Kain jenis Polyester Viscose Grey (HJ-3300 CW -20)



Spesifikasi BAJU NO. 2 Bagi Anggota Gred KP19 (Lelaki/Wanita)

Jenis Material	HI-SOFY 100% POLYSTER
Warna	LEGION BLUE (ACCURA BELLINI JAPAN) DBKL KOD BERWARNA 2144
Rekabentuk	Bush Jaket (wanita sahaja) - Lengan pendek berlipat 2.5cm kecuali wanita Islam <i>Tuck in</i> (Lelaki sahaja)
Baju	6 lubang butang baju (bagi wanita) (saiz lubang butang 1.5cm) 4 lubang butang baju (bagi lelaki) (saiz lubang butang 1.5cm) - Lidah APPOLET di bahagian bahu. 2 poket bertutup di bahagian atas dan 2 poket bertutup di bahagian bawah (bagi wanita) 2 poket bertutup di bahagian atas (bagi lelaki) Semua poket baju perlu ada butang ketip
Seluar	2 poket bahagian depan seluar (kiri dan kanan) 2 poket bahagian belakang seluar tanpa lidah poket JALUR SELUAR – Diguna pakai pada seluar anggota, Kain jenis Polyester Viscose Grey (HJ-3300 CW -20)
Tudung	Tudung berwarna DARK BLUE bagi wanita yang bertudung

MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

Segala butir dilampirkan ini hendaklah diisi oleh penyebut harga dengan betul dan lengkap dan dikembalikan bersama-sama dengan sebut harga. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan sebut harga ini ditolak atau / dan tidak dipertimbangkan.

LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

1. Nama Syarikat :

2. Alamat Syarikat :

.....

.....

3. No. Pendaftaran Syarikat :

4. No. Telefon/No. Fax :

5. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia:

No. Pendaftaran :

Tempoh Sah Laku :

6. Pendaftaran Taraf Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika ada) :

No. Pendaftaran :

Tarikh Tamat :

~~7. Pendaftaran GST dengan Kastam Diraja Malaysia (jika ada) :~~

~~No. Pendaftaran :~~

~~Tarikh Daftar :~~

8. Pengalaman dalam menyediakan perkhidmatan yang sebanding dalam tahun 2022 dan 2023.

BIL	NAMA KEMENTERIAN/ AGENSI / PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN DILAKSANAKAN	LOKASI
1			
2			
3			
4			
5			

***Sila sertakan Surat Setuju Terima / Pesanan Kerajaan Bagi menyokong maklumat.**

9. Bersama-sama ini disertakan satu salinan yang telah disahkan atau surat-surat akuan seperti yang tersebut dibawah ini:-

- i) Sijil Pendaftaran Perniagaan atau Sijil Penubuhan Syarikat
- ii) Sijil Akuan Pendaftaran Pembekal dengan Kementerian Kewangan Malaysia
- iii) Sijil Akuan Pendaftaran Pembekal Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia

Saya mengakui semua keterangan yang diberikan adalah benar.

.....
Tandatangan

.....
Cop Rasmi Syarikat

Nama :

No. Kad Pengenalan :

SURAT AKUAN PEMBIDA**Bagi****MPAG/SH/100/2024 - PERKHIDMATAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA
PENGUATKUASA MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2025**

Saya, No. Kad Pengenalan yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing- masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No. KP :
Tarikh :
Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) ***termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.